

19 MAY 1997

Abdullah - China

BEIJING BUAT PERSIAPAN BAGI SIDANG KEMUNCAK TIDAK FORMAL ASEAN KEDUA

KUALA LUMPUR, 19 Mei (Bernama) -- Beijing sedang membuat persediaan untuk menghadiri sidang kemuncak tidak formal Asean kedua yang akan diadakan di sini pada Disember ini, kata Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

Beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, atas sifatnya sebagai pengerusi sidang kemuncak, akan menyampaikan undangan rasmi kepada China, Jepun dan Korea Selatan tidak lama lagi.

Mesyuarat tidak formal itu diadakan sempena ulang tahun ke-30 penubuhan Asean. Persidangan kali ini mempertemukan buat kali pertama ketua-ketua negara/kerajaan dari ketujuh-tujuh negara Asean, Kemboja, Laos dan Myanmar serta China, Jepun dan Korea Selatan.

"Saya menyambut baik berita bahawa kertajaan China sedang membuat persiapan secara aktif bagi sidang kemuncak itu," kata Abdullah dalam kenyataan yang dikeluarkan oleh Wisma Putra, di sini.

Abdullah berkata beliau percaya sidang kemuncak itu akan memberi lonjakan selanjutnya ke arah keamanan dan kestabilan di rantau Asia Pasifik dan mempertingkatkan lagi kerjasama serantau.

Abdullah baru-baru ini melakukan lawatan rasmi selama empat hari ke China.

Mengenai lawatannya ke China, yang juga atas sifatnya sebagai pengerusi Jawatankuasa Tetap Asean, Abdullah berkata hasil rundingannya dengan Naib Perdana Menteri dan Menteri Luar China, Qian Qichen, hubungan Malaysia-China "amat baik".

Beliau berkata hubungan dua hala mempunyai prospek untuk diperkukuhkan melalui kerjasama dalam perkhidmatan udara, pelancongan, kebudayaan dan pendidikan, perdagangan dan pelaburan.

Abdullah menyifatkan lawatannya sebagai mata berguna dan berhasil sambil berkata Malaysia dan China menyambut baik pembangunan usahasama tiga pihak terutama di negara membangun kerana peluang bagi kerjasama sektor swasta terbuka luas.

Semasa lawatannya ke China, yang bermula di Shanghai, Abdullah juga mengunjungi Presiden Jiang Zemin dan Perdana Menteri Li Peng.

Beliau berkata matlamat lawatan itu ialah bertukar-tukar pendapat dengan rakan sejawatannya mengenai hubungan dua hala, mendapatkan maklumat terbaru mengenai reformasi ekonomi China dan meninjau kemungkinan mempertingkatkan hubungan ekonomi dan perniagaan disamping memupuk kerjasama Asean-China.

Mengenai pembangunan rantau Asia Pasifik, beliau berkata kedua-dua negara bersetuju dengan pandangan bahawa amatlah penting bagi China berjaya dalam pemodenan ekonominya.

Malaysia menyambut baik kemajuan yang dicapai oleh China dalam pembaharuan ekonominya dan perkembangan itu akan memberi sumbangan ke arah keamanan dan kestabilan terutama di rantau itu, katanya.

Abdullah berkata beliau juga mengulangi undangan Dr Mahathir kepada Li Peng untuk melawat Malaysia sementara Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar akan melakukan lawatan ke China pada Julai tahun ini. -- BERNAMA

ES FAZ